

02 MAR 2004

Abdullah-Wawasan

PM AJAK RAKYAT PERKUKUH DAYA TAHAN UNTUK CAPAI WAWASAN 2020

PETALING JAYA, 2 Mac (Bernama) -- Perdana Menteri malam ini mengajak rakyat supaya memperkukuhkan lagi daya tahan dan daya saing mereka untuk memastikan Malaysia melangkah gagah untuk mencapai objektif Wawasan 2020.

"Jangan kita tolak cabaran kerana tidak yakin untuk berdiri sama tinggi dengan mereka yang telah lebih lama melalui proses pembangunan," kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Katanya, sebagai negara yang bebas dan berdaulat, yang mampu menentukan masa depan, rakyat Malaysia harus mengikis sikap kurang percaya pada diri sendiri yang menjadi penghalang besar kepada kemajuan dan pembangunan.

"Jangan kita malu untuk menonjol ke hadapan dan jangan pula memandang jelak kepada mereka yang memburu kejayaan," katanya di majlis jamuan malam Malaysian Book of Records di sini.

Abdullah juga melancarkan edisi emas Malaysian Book of Records yang diterbitkan sebagai lambang penghargaan kepada Perdana Menteri Malaysia Keempat, Tun Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata dalam persaingan dunia yang kian hebat rakyat perlu memiliki ikhtizam dan jati diri untuk menguruskan kejayaan negara dengan baik.

Bercakap mengenai Malaysian Book of Records, beliau berkata adalah menjadi harapannya agar lebih ramai lagi rakyat Malaysia akan memegang rekod dunia bagi membuktikan bahawa bangsa Malaysia bukan sekadar jaguh kampung.

"Namun saya berharap dalam proses mengejar impian ini, kita tidak memilih cabaran yang remeh atau kategori di mana tidak terdapat saingan," katanya.

Abdullah berkata sebagai contoh, rakyat negara ini boleh mencipta rekod

dunia dalam acara makan sambil berlari tetapi aktiviti seperti itu jelas tidak mendatangkan sebarang faedah.

"Alangkah baiknya jika keazaman tersebut disalurkan kepada sesuatu yang lebih bermakna seperti menjadi pelari terpantas dunia," jelasnya.

Beliau berkata memang manusia bernaluri untuk menjadi yang terbaik dalam sesuatu perkara serta mendapat pengiktirafan tetapi janganlah sehingga kategori yang remeh menjadi pilihan.

Katanya, rakyat perlu memilih cabaran yang berwibawa.

"Usaha kita harus menggambarkan kekuatan, daya tahan, kreativiti dan kepintaran. Kita perlu mempunyai motivasi untuk meneroka bidang dan tahap baru serta pencapaian lebih tinggi," katanya.

Katanya, jika ditinjau senarai rekod-rekod dunia, terdapat banyak bidang yang belum ditakluki oleh Malaysia.

"Kita jarang meraih kejuaraan di peringkat dunia dan batasan seperti inilah yang patut menjadi cabaran," katanya.

Abdullah berkata slogan "Malaysia Boleh" telah berjaya membentuk mentaliti dan keyakinan bahawa kita mampu meraih kejayaan besar tetapi adalah malang jika slogan itu sekadar membawa kepada usaha yang remeh dan tidak bermakna.

Sementara itu, Perdana Menteri juga memberi penghargaan kepada Dr Mahathir yang pada anggapannya adalah seorang negarawan ulung yang telah berjasa kepada negara hampir sepanjang hayatnya.

"Beliau telah banyak mengorbankan masa dan tenaga untuk membentuk mentaliti Bangsa Malaysia yang berani menghadapi cabaran dan sentiasa mengejar kecemerlangan," katanya.

Beliau berkata lonjakan Malaysia daripada sebuah negara picisan kepada ahli masyarakat negara dunia yang disanjung adalah hasil usaha dan dorongan Dr Mahathir.

-- BERNAMA  
SR MFJ MOZ